



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

29 APRIL 2021 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHMAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

29 APRIL 2021 (KHAMIS)



MUHAMMAD Zikril (kiri) dan Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Selangor, Aminuddin Muhamad (tengah) bersama peniaga di Pasar Besar Jalan Othman.

1,271 pemeriksaan kawalan harga SHMMP

Petaling Jaya: Sejumlah 1,271 pemeriksaan dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor sepanjang pelaksanaan Skim Pelaksanaan Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) setakat kelmarin.

Pengarahnya, Muhamad Zikril Azam Abdullah berkata, pihaknya menerima tiga aduan masing-masing dua di Shah Alam dan satu di Petaling Jaya membabitkan harga barang.

Katanya, pihaknya meng-

gerakkan bahagian penguat kuasa untuk menjalankan pemeriksaan di premis ditetapkan termasuk menempatkan pegawai pemantau harga bagi memastikan pelaksanaan SHMMP dipatuhi.

"Seperti kita semua sedia maklum skim ini secara tidak langsung dapat membendung kenaikan harga yang tidak munasabah semasa Ramadan dan Aidilfitri.

"Berdasarkan jumlah aduan, kita tahu peniaga mematuhi peraturan ditetapkan," katanya selepas meninjau Pasar Besar Jalan Othman di sini, semalam.

Menurutnya, beliau berpuas hati dengan pematuhan di pasar berkenaan dan berharap ia akan diteruskan bagi memberi manfaat kepada pengguna.


"Kita harap semua pihak termasuk peniaga dan pengguna memainkan

kan peranan masing-masing agar kita dapat mengambil tindakan sewajarnya bagi membendung salah laku etika oleh peniaga.

"Pengguna juga boleh memberikan maklumat menerusi sembilan saluran kita dengan menyertakan butiran lengkap bagi membolehkan kita mengambil tindakan.

"Hari ini kita dapati bekalan juga mencukupi, tiada aduan kenaikan harga di sini. Setakat ini SHMMP berjalan lancar dan dipatuhi," katanya.

Terima tiga aduan, dua di Shah Alam dan satu di Petaling Jaya babitkan harga barang



New fuel prices
April 29 – May 5

RON95	RM2.05 (unchanged)
RON97	RM2.58 (unchanged)
DIESEL	RM2.15 (unchanged)

The image shows a sign for new fuel prices. It features a red circular logo with a white fuel nozzle icon. The text is in bold black and red fonts. The prices are listed for RON95, RON97, and DIESEL, all of which are unchanged from the previous period.



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM5.99	• Telur Gred A	RM10.20	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM6.50
• Daging Lembu Tempatan	RM34	• Ikan Kembung	RM8.90	• Bawang Besar Holland	RM2.90	• Kubis Bulat Tempatan	RM2.50
• Daging Lembu Import	RM21	• Minyak Masak	RM5.90	• Bawang Putih	RM4.99	• Tepung Gandum	RM2.09

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP